

06 DEC 2015

Tunku Laksamana Johor mangkat

» Kerabat diraja berkabung tujuh hari, rakyat tiga hari

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof bhjb@bh.com.my

Johor Bahru

Jumaah Majlis Diraja Johor mengumumkan Tunku Laksamana Johor, Tunku Abdul Jalil Sultan Ibrahim mangkat pada jam 7 malam di Wad Diraja Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, semalam.

Pengumuman dibuat Yang Di-pertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli, pada sidang media khas di Bilik Gerakan Tun Abdul Razak, Bangunan Sultan Ibrahim dekat Bukit Timbalan, malam tadi.



Tunku Abdul Jalil

Abdul Rahim berkata, istiadat pengebumian akan dibuat mengikut separa istiadat kemangkatan diraja kerana ia tidak memabitkan kemangkatan Raja yang memerintah dan tiada sebarang cuti umum akan diumumkan. Beliau turut mengumumkan

tempoh berkabung bagi semua Kerabat Diraja adalah selama tujuh hari, manakala rakyat jelata tiga hari selain semua bendera kecuali Bendera Diraja diarah diturunkan separuh tiang mulai semalam sehingga tamat tempoh berkabung.

“Istiadat dimulakan pada jam 7 pagi esok (hari ini) dengan Istiadat Siram Jenazah dan Mengkafankan Jenazah sebelum disemayamkan di Petrana tujuh tingkat di Bilik Singgah Sana Istana Besar Johor.

“Di atas keranda Almarhum akan diletakkan bendera peribadi, topi dan pedang polis. Kita sedia maklum ketika hayat Almarhum pernah menjawat jawatan sebagai pegawai polis.

Jenazah dibawa dengan pedati

“Jenazah Almarhum kemudian akan diarak daripada Istana Besar ke Makam Diraja Mahmoodiah di sini menggunakan pedati sebelum disemadikan di sebelah kanan ma-

kam nendanya, Almarhum Sultan Iskandar Ismail,” katanya.

Abdul Rahim berkata, bermula jam 9 hingga 11.30 pagi rakyat jelata dibenarkan untuk hadir memberikan penghormatan terakhir menggunakan pakaian sopan.

“Bagi lelaki beragama Islam, adalah disarankan memakai Baju Melayu putih dengan songkok berlilit kain putih, manakala bagi wanita Islam Baju Kurung dan tudung putih.

“Bagi lelaki dan perempuan bukan beragama Islam, mereka boleh memakai tali leher hitam atau lilitan hitam pada lengan sebagai memberi tanda penghormatan,” katanya.

Tunku Laksamana Johor, Tunku Abdul Jalil diputerakan pada 7 Julai 1990 di HSA di sini. Tunku Abdul Jalil adalah putera keempat Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar dan Raja Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Id-ris Shah.

PM ucap takziah

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengucapkan takziah atas kemangkatan Tunku Laksamana Johor Tunku Abdul Jalil Sultan Ibrahim malam tadi.

“Merafak sembah takziah atas kemangkatan Tunku Laksamana Johor, YAM Tunku Abd Jalil

Sultan Ibrahim. Semoga rohnya dicucuri rahmat. Al-Fatihah,” kata Najib dalam laman Twitter dan Facebooknya, semalam.

Tunku Abdul Jalil, 25, meninggal dunia pada jam 7.11 malam di Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru akibat barah.

BH
6/12/2015
ms 3

Tunku Abdul Jalil berjiwa rakyat

BH
6/12/2015
mls 3

Tunku Laksamana Johor, Tunku Abdul Jalil Sultan Ibrahim yang meninggal dunia semalam, adalah seorang putera Raja berjiwa rakyat dan sentiasa mesra dengan pelbagai lapisan masyarakat.

Tunku Abdul Jalil yang diputerakan pada 5 Julai 1990 adalah anak keempat daripada enam beradik, meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru petang semalam, selepas bertarung dengan penyakit barah hati tahap empat sejak Disember tahun lalu.

Beliau yang lebih mesra dengan panggilan Lil oleh ayahandanya, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar turut dikenali dengan sifat cinta dan sayangkan haiwan peliharaan sama seperti nendanya, Sultan Iskandar Ismail.

Tunku Abdul Jalil disahkan menghidap barah hati ketika berada di London, United Kingdom dan sejak itu usaha mengubati penyakitnya dijalankan secara intensif dengan dipantau sendiri oleh Sultan Ibrahim.

Beliau turut mendapatkan rawatan di beberapa pusat perubatan terbaik dunia antaranya di Singapura, selain menjalani pemindahan hati di sebuah hospital pakar di Guangzhou China pada Disember tahun lalu.

Mula rasa sakit 2014

Dalam satu temu bual media pada 11 Mac lalu, Tunku Abdul Jalil berkata, beliau mula berasa sakit pada tangan kanan pada

Jun 2014 sebelum disahkan sebagai penyakit barah oleh pihak hospital pada Disember tahun yang sama.

Katanya, selepas selamat menjalani rawatan pemindahan hati, beliau turut menjalani rawatan ujian darah setiap minggu di Singapura selain pemeriksaan seluruh badan seminggu sekali.

Selepas berita mengenai keadaan kesihatan Tunku Abdul Jalil diketahui umum, khususnya rakyat Johor yang berbilang kaum tidak putus-putus mendoakan kesejahteraan beliau termasuk mengikuti perkembangan dalam laman Facebook dan Instagram rasmi Tunku Laksamana Johor itu.

Pada Mac lalu, Sultan Ibrahim memperkenankan penubuhan Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor bagi membantu pesakit kurang berkemampuan membiayai kos rawatan dan sebagai permulaan, baginda turut menyalurkan dana berjumlah RM10 juta untuk yayasan berkenaan.

Hidap barah hati

Baginda bertitah, penubuhan yayasan itu dibuat susulan daripada anakandanya, Tunku Abdul Jalil yang menghidap barah hati.

Ketika berusia 21 tahun, Tunku Abdul Jalil menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan menjalani latihan selama setahun, sebelum mengikuti kursus latihan Pasukan Khas di Maktab Teknik Muar.

Sebelum penghujung perkhidmatan dengan PDRM, beliau me-



Jenazah Tunku Abdul Jalil dibawa keluar dari Hospital Sultanah Aminah (HSA) menuju ke Istana Besar, Johor Bahru.

[FOTO ZAIN AHMED/BH]

nyertai Pegawai Pemantau Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di Kuala Lumpur.

Beliau yang begitu komited dalam memajukan sukan pelayaran di negara ini, turut diberi penghormatan oleh International Sailing Federation (ISAF) dengan Anugerah Pembangunan Presiden 2014 pada November tahun lalu atas sumbangannya.

Tunku Abdul Jalil dalam satu temu bual media tahun lalu juga pernah berkata, beliau berhasrat untuk melakukan jelajah ke seluruh negara bagi memberi pendedahan dan pendidikan awal berhubung sukan pelayaran kepada anak muda di negara ini.

Tunku Abdul Jalil

● **Tempat** Lahir: Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru.

● **Tarikh** Lahir: 5 Julai 1990

● **Usia**: 25 tahun

● **Ayahanda**: Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar

● **Bonda**: Raja Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofia Sultan Idris Shah

● **Adik-Beradik**: Anak keempat daripada enam beradik

● **Panggilan** mesra: Jalil atau Lil

● **Pendidikan**: Kelulusan dalam bidang Zoologi dan Pemuliharaan dari sebuah universiti di United

Kingdom; Sekolah Antarabangsa YPJ Zaikarim Johor Bahru dan Sekolah Sri Utama Johor-Bahru.

● **Hobi**: Memelihara haiwan dan bersenam

● **Kelebihan**: Melakar sejarah sebagai Kerabat Diraja Johor pertama berkhidmat dalam pasukan polis selepas menamatkan kursus latihan kepolisan selama sembilan bulan sehingga bergelar Inspektor.

● **Pengalaman** bekerja: Penjaga Zoo di Singapura (setahun) dan Zoo London (2 tahun)